

# Hubungan pertahanan Brunei - Kemboja kukuh

Oleh : Hajah Siti Zuraihan Haji Awang Sulaiman  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

**BERAKAS**, Khamis, 25 Julai. - Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejai Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, menerima kunjungan hormat daripada Timbalan Ketua Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejai Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Aminan bin Pengiran Haji Mahmud.

Turut hadir semasa kunjungan tersebut ialah Pemerintah Tentera Darat Diraja Brunei, Brigedier Jeneral Dato Seri Pahlawan Awang Khairul Hamed bin Awang Haji Lampho dan Ketua Staf ABDB.

Pemerintah ABDB menekankan kepentingan bagi mengekalkan dan mempertingkatkan kerjasama di antara ABDB dan ABDK, dan turut merakamkan penghargaan atas penglibatan ABDK dalam program-program anjuran ABDB seperti kursus bahasa Inggeris.

ABDK baru-baru ini juga

Selepas kunjungan tersebut, TYT Lettjen Jeneral Hun Manet juga mengadakan perjumpaan dengan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejai Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Aminan bin Pengiran Haji Mahmud.

Turut hadir semasa kunjungan tersebut ialah Pemerintah Tentera Darat Diraja Brunei, Brigedier Jeneral Dato Seri Pahlawan Awang Khairul Hamed bin Awang Haji Lampho dan Ketua Staf ABDB.

Pemerintah ABDB menekankan kepentingan bagi mengekalkan dan mempertingkatkan kerjasama di antara ABDB dan ABDK, dan turut merakamkan penghargaan atas penglibatan ABDK dalam program-program anjuran ABDB seperti kursus bahasa Inggeris.

ABDK baru-baru ini juga



MENTERI Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejai Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, menerima kunjungan hormat daripada Timbalan Ketua Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Kemboja (ABDK) dan Pemerintah Tentera Diraja Kemboja, Tuan Yang Terutama Lettjen Jeneral Hun Manet.

menghadiri Simposium (Regional Jungle Warfare diadakan pada 27 Jun hingga Peperangan Hutan Serantau Symposium - RJWS) Ke-3 yang 2 Julai 2019, buat kali pertama.

## Mufti Kerajaan terima kunjungan hormat



Siaran Akhbar dan Foto: Jabatan Mufti Kerajaan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 25 Julai. - Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned menerima kunjungan hormat daripada Mufti Kerajaan Negeri Sabah, Sahibus Samahan Datuk Ustaz Haji Bungsu @ Aziz bin Haji Jaafar (kiri). Sementara gambar kanan, Yang Berhormat Mufti Kerajaan menerima kunjungan hormat daripada Mufti Negeri Kedah Darul Aman, Sahibus Samahah Dato Syeikh Haji Fadzil bin Haji Awang.

Kunjungan tersebut berlangsung di pejabat Yang Berhormat Mufti Kerajaan di Darulista Brunei Darussalam, Jabatan Mufti Kerajaan.

Ketibaan rombongan dari Sabah itu dialu-alukan oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Mufti Kerajaan.

Sementara pada sebelah petang, Yang Berhormat Mufti Kerajaan juga menerima kunjungan hormat daripada Mufti Negeri Kedah Darul Aman, Sahibus Samahah Dato Syeikh Haji Fadzil bin Haji Awang dan rombongan yang terdiri daripada CEO Lembaga Zakat Negeri Kedah, Tuan Syeikh Haji Zakaria bin Othman; Timbalan CEO Lembaga Zakat Negeri Kedah, Mohd Faisal bin Mustaffa; Ketua Komunikasi

Strategik, Lembaga Zakat Negeri Kedah, Muhammad Faiz bin Husin Shokri dan Jurugambar Rasmi Lembaga Zakat Negeri Kedah, Khairul Amizi bin Abd Majid.

Kunjungan rombongan dari Negeri Kedah Darul Aman itu berlangsung di Rumah Hidayah, iaitu kediaman Yang Berhormat Mufti Kerajaan di Jalan Mulaut, Mukim Sengkurong.

Ketibaan rombongan dialukan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.

Dalam kunjungan-kunjungan tersebut, kedua-dua pihak berbincang mengenai perkembangan institusi dan hal ehwal fatwa.

Sahibus Samahan Mufti Kerajaan Negeri Sabah dan Mufti Negeri Kedah Darul Aman berserta rombongan berada di negara ini bagi menghadiri Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara Kali Ke-13 anjuran Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIM), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dengan kerjasama Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa dalam Kewangan Islam (ISRA) yang berlangsung pada 23 dan 24 Julai 2019.

MUFTI Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned menerima kunjungan hormat daripada Mufti Kerajaan Negeri Sabah, Sahibus Samahan Datuk Ustaz Haji Bungsu @ Aziz bin Haji Jaafar (kiri). Sementara gambar kanan, Yang Berhormat Mufti Kerajaan menerima kunjungan hormat daripada Mufti Negeri Kedah Darul Aman, Sahibus Samahah Dato Syeikh Haji Fadzil bin Haji Awang.

## HALUAN

### Dari muka 2

Saya percaya dan penuh yakin, perbincangan seumpama ini serta segala perkongsian maklumat yang menjadi isi utama dalam muzakarah ini akan dapat menjadi platform yang berkesan dalam membudaya, selain meningkatkan kesedaran masyarakat awam. Dalam pada itu juga, diharapkan muzakarah ini akan dapat membawa resolusi yang berharga untuk dikongsikan bersama serta diambil perhatian oleh pihak-pihak yang berkewajipan ke arah memperkasa umat Islam, khususnya dalam sektor Islam, khususnya dalam sektor amalatlah penting agar pihak-pihak yang berautoriti untuk mengaplikasikan idea yang dikongsikan oleh ulama-ulama, cendekiawan-cendekiawan serta pakar-pakar yang diundang khusus di dalam muzakarah ini.

Institusi kewangan Islam perlu sentiasa menekankan kepentingan nilai keupayaan kepada prinsip syariah dalam pengurusan serta urus niaga.

Kesedaran dalam perkara ini juga boleh secara langsung membantu perkembangan kewangan Islam sebagai satu industri agar berjaya maju. Oleh kerana perkembangan industri sangat dinamik dan pantas, kita perlu memastikan kemunculan idea-idea baharu yang inovatif dan mengambil peluang daripada teknologi yang semakin canggih.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, tinggilah harapan saya agar semua pihak yang terlibat mengambil manfaat melalui muzakarah yang dianjurkan. Di samping itu, amalatlah penting agar pihak-pihak yang berautoriti untuk mengaplikasikan idea yang dikongsikan oleh ulama-ulama, cendekiawan-cendekiawan serta pakar-pakar yang diundang khusus di dalam muzakarah ini.

Untuk akhirnya, sukacita saya

mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua yang bertungkus lumus dalam menjayakan muzakarah ini serta berbanyak-banyak terima kasih kepada UNISSA dan ISRA atas ingatan baik menjemput saya selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan MUZAKARAH-13 ini.

Dengan mendahuluikan lafadz Bismillahir Rahminir Rahim, selawat dan salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, saya dengan sukacita merasmikan Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara Kali Ke-13. Anjuran ISRA, Malaysia dengan kerjasama Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, UNISSA.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarkatuh.